

06/08/1997

Kadar tukaran rendah cegah spekulasi: PM (HL)

Ebi Azly Abdullah

LANGKAWI, Selasa - Kerajaan membenarkan kadar pertukaran lebih rendah bagi pinjaman berkaitan perdagangan di pasaran pertukaran wang asing bagi membendung spekulasi dan menstabilkan pasaran mata wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, langkah terbaru Bank Negara mengehendkan urus niaga pertukaran wang adalah untuk membendung spekulasi terhadap ringgit dan menggalakkan urus niaga berkaitan perdagangan yang produktif.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, mereka yang membuat pinjaman untuk tujuan spekulatif di pasaran pertukaran wang akan terpaksa membayar lebih.

Urus niaga pertukaran adalah perjanjian untuk membayar atau menjual mata wang pada satu tarikh kemudian, manakala kadar pertukaran adalah harga yang individu sanggup bertukar mata wang.

"Jika urus niaga berkaitan perdagangan, ia akan dipermudah dan kadarnya lebih rendah.

"Jika ia tidak berkaitan perdagangan dan kita tidak tahu ia untuk apa, maka ia akan mempunyai kadar faedah lebih tinggi," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas meninjau beberapa projek pembangunan di sekitar Langkawi, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai arahan Bank Negara kepada bank, Ahad lalu supaya mematuhi had AS\$2 juta (RM5 juta) terhadap urus niaga pertukaran pihak tawaran ringgit berkaitan bukan komersil yang belum dijelaskan dengan setiap pelanggan asing berkuatkuasa semalam.

Ini bermakna bank yang melebihi had tidak akan dibenar berurus niaga sebarang pertukaran lanjut dengan pelanggan tertentu.

Sejak peraturan Bank Negara itu, ringgit menjadi stabil secara relatif meningkat kepada 2.6115/35, semalam daripada 2.6260/90 berbanding dolar AS, tetapi mata wang itu turun hari ini kepada 2.6325 selepas Malaysia mencatat defisit perdagangan RM2.8 bilion, Jun lalu.

Mengenai peningkatan kadar faedah yang mungkin dikenakan, Dr Mahathir menjelaskan ia terpulang kepada Bank Negara.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai hasrat tokoh kewangan Amerika Syarikat (AS) George Soros untuk menemuinya, Dr Mahathir berkata persoalan utamanya ialah sama ada beliau ingin menemui Soros.

"Persoalan utama ialah bukan dia hendak jumpa saya, tetapi sama ada saya nak jumpa dia. Saya belum buat keputusan," katanya.

Berhubung cadangan beberapa pemimpin Umno untuk memanjangkan tempoh pemilihan daripada tiga tahun sekarang, Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi (MT) belum membuat sebarang keputusan.

"Ini hanya cakap orang saja, kita belum berbincang lagi," katanya.

Terdahulu beliau menghabiskan hampir tiga jam melawat beberapa projek pembangunan dan tarikan pelancong utama di sekitar Pulau Langkawi. Antara tempat yang dikunjungi ialah Galeria Perdana, Kampung Buku, Pusat Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi dan Pusat Budaya Kraf.

Turut hadir Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib yang juga Ahli Parlimen Langkawi.

(END)